

**Insentif Rebat Telefon, Usaha Kerajaan Hargai Belia
Bernama
3 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pemberian rebat telefon mudah alih dan bantuan kewangan kepada pelajar untuk membeli buku merupakan langkah kerajaan untuk menghargai golongan belia.

Perdana Menteri berkata rasionalnya pemberian itu terhasil daripada keupayaan kerajaan untuk mengenal pasti cita rasa belia.

"Dalam era digital ini, mereka mempunyai minat yang besar dan akses kepada digital era yang lebih meluas lagi."

Dalam program #Tanya Najib: Belanjawan 2013 secara langsung dari Astro Awani di sini malam ini, Najib berkata TalentCorp telah berjaya sejak empat setengah tahun lepas menarik rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara untuk pulang ke negara ini.

"Kita mempunyai program di bawah TalentCorp yang menggalakkan rakyat Malaysia di seberang laut untuk kembali ke negara ini," katanya.

"Ini adalah petunjuk yang baik....bahawa mereka telah mengambil bahagian di dalam melaksanakan Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Kerajaan, yang termasuk projek seperti MRT dan aktiviti yang berkaitan rangsangan terhadap ekonomi," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=699468>